

**Bersih 3.0 'mini revolusi' – Hasan  
Utusan Online  
09 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR 8 Mei - Perhimpunan haram Bersih 3.0 pada 28 April lalu disifatkan satu bentuk 'mini revolusi' oleh sekumpulan pemimpin pembangkang dengan cuba melahirkan pemberontak sama ada di peringkat dalaman mahupun luaran dalam kalangan para penyokong mereka.

Presiden Pertubuhan Jalur Tiga (Jati), Datuk Dr. Hasan Ali berkata, lebih malang lagi perhimpunan yang hampir menyebabkan seorang anggota polis terkorban selain mengakibatkan kecederaan puluhan anggota polis serta merosakkan beberapa kenderaan polis mendapat sokongan padu Pas.

Padahal, kata beliau, parti yang mendokong perjuangan Islam itu cukup maklum bahawa perhimpunan haram berkenaan diketuai oleh Datuk S. Ambiga iaitu seorang pemimpin anti Islam serta penyokong lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT).

"Tidak dinafikan matlamat asal perhimpunan ini adalah untuk menuntut satu pilihan raya yang bersih dan adil dan semua orang termasuk saya menyokong hasrat ini. Namun apabila tujuannya bertukar menjadi 'merdekakan Dataran Merdeka' perhimpunan itu mula memperlihatkan keangkuhannya.

"Apa yang dilakukan di dalam perhimpunan itu adalah untuk melahirkan pemberontakan dalaman dan luaran dalam kalangan beribu orang. Mereka menggunakan tenaga muda bagi menyokong beberapa orang manusia untuk mencapai agenda politik masing-masing," katanya pada sidang akhbar di kediamannya dekat sini hari ini.

Beliau yang juga bekas Pesuruhjaya Pas Selangor mengulas perhimpunan haram Bersih 3.0 anjuran pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta disokong oleh parti-parti pembangkang yang akhirnya mencetuskan huru-hara di sekitar ibu negara 28 April lalu.

Mengulas pembabitan Pas dalam perhimpunan haram itu, Hasan berkata, beliau sebenarnya hairan bagaimana program Perhimpunan Sejuta Umat (Himpun) yang bertujuan mempertahankan akidah dan membanteras gejala murtad langsung tidak mendapat sambutan daripada pucuk parti itu.

Sebaliknya, kata beliau, perhimpunan yang diketuai seorang anti Islam dan penyokong LGBT itu mendapat sambutan hangat daripada pemimpin-pemimpin serta ahli-ahli Pas.

"Bahkan semua ahli Pas diwajibkan menyertai perhimpunan Bersih 3.0, namun yang hairannya mereka menghalang ahli-ahlinya sertai Himpun," ujarnya.

Sedangkan, kata beliau, apa yang diperjuangkan di dalam Himpun itu adalah tulang belakang kepada perjuangan Pas.

Menjawab satu soalan, Hasan berkata, Pas telah tergelincir daripada matlamat asal perjuangannya kerana terlalu meraikan beberapa manusia serta parti-parti di dalam pakatan pembangkang.

"Dua hari lepas saya terbaca kenyataan Ketua Pembangkang (Datuk Seri Anwar Ibrahim) yang berkata, dia sanggup menjadi tunggangan DAP asalkan matlamat ke Putrajaya tercapai.

"Apa maknanya? Kenyataan ini benar-benar merobek hati dan jiwa saya apa lagi dalam keadaan saya berjuang menjaga kepentingan Islam, Melayu dan raja-raja. Kenyataan ini bertentangan dengan dasar perjuangan saya," ujarinya.

Dalam pada itu beliau yakin parasit-parasit di dalam Pas mempunyai pandangan yang hampir serupa dengan kenyataan Ketua Pembangkang tersebut.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0509&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_07.htm](http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0509&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_07.htm)